



Şeyh Muhammed Mehmet Adil El Kıbrıs-i Hazretleri'ne (k.s.) Ait Risaleler

THE MONTH OF MAWLID BULAN MAWLID

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Syukur kepada Allah s w t kita sudah sampai ke bulan Mawlid. Ini hari ketujuh bulan Rabi'ul Awwal. Shaykh Mawlana sentiasa menyuruh kita untuk buat mawlid setiap hari di bulan ini. Bergembiralah setiap hari. Bulan ini bulan penuh dengan pesta dan perayaan kerana ini lah bulan Junjungan (Kekasih) kita Rasulullah s a w di lahir.

Junjungan kita Rasulullah (SAW) ialah manusia yang teragong antara manusia manusia yang lain di seluruh alam. Maqam nya tertinggi sekali dan dia ialah makhluk yang tertinggi di antara makhluk yang Allah Azza wa Jalla jadikan. Yang utama dan pertama Allah s w t mencipta nur Muhammad Rasulullah s a w. Dari cahaya nya Allah s w t mencipta manusia dan alam semesta. Sebagai suatu pengajaran untuk semua, ketahui lah bapa Rasulullah s a w meninggal dunia semasa Rasulullah s a w dalam kandungan rahim ibu nya. Selepas itu ibu nya meninggal dunia bila umur Rasulullah s a w mencapai empat tahun dan menjadi seorang anak yatim piatu. Zaman itu ialah zaman jahiliyah. Orang orang zaman jahiliyah ini tiada sifat kasih sayang dalam diri mereka. Mereka sanggup tanam hidup hidup anak anak gadis mereka. Mereka tiada perasaan rahmah atau kasih sayang terhadap anak anak yatim. Sebaliknya mereka di kecamlah dan di sumpah.

Datuk kepada Rasulullah s a w adalah ketua di Makkah al Mukkaramah. Mereka tidak boleh cakap apa apa kepada nya. Sebagai suatu pengajaran dari Allah s w t Datuk dia juga meninggal dunia selepas ibu nya. Junjungan kita Rasulullah (SAW) seketika itu berumur lapan tahun. Seketika itu ia kelihatan seperti Rasulullah s a w tiada berdaya, tiada orang yang boleh pertahankan dia di tengah tengah masyarakat yang zalim dan jahil. Ini adalah kehendak Allah s w t sebagai suatu pengajaran untuk manusia. Bila Allah kehendaki, seorang boleh jadi anak yatim atau orang yang miskin. Tetapi dengan izin dan takdir Allah s w t seluruh dunia ini di beri kepada DIA s a w. Bukan hanya dunia ini tetapi seluruh alam semesta.

Kita adalah umat ¹ Rasulullah s a w ini. Seberapa banyak kita mensyukuri, seberapa banyak kita gembira dan seberapa banyak kita memuliakan nya; ia tidak cukup sama sekali. Allah berfirman yang bermaksud "Muliakan Dia s a w". Allah befirman yang bermaksud "Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memuji dan berdoa) ke atas Nabi

1. Ummat
2. Intercession



Şeyh Muhammed Mehmet Adil El Kıbrıs-i Hazretleri'ne (k.s.) Ait Risaleler

(Muhammad s.a.w). Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu ke atasnya serta ucapkanlah salam dengan penghormatan kepadanya" [Al-Ahzab: 56] Ini adalah perintah. Suatu perintah untuk memuliakan dia, memuliakan junjungan kita Rasulullah (SAW).

Moga bulan ini di rahmati. Moga moga kita memperolehi shafaat² Rasulullah (SAW) Insya Allah. Moga kita dari golongan yang amat sayang kepada dia (s a w). Jika anda sayang Dia (s a w), dia terima dan balas balik kasih sayangnya (s a w) kepada mu. Itulah sedalnya sifat kasih sayang dan rahmah dia (s a w). Junjungan kekasih kita (SAW) datang dari golongan orang yang zalim dan jahil, tetapi dia menjadi seorang yang berakhlak mulia berbudi bahasa dan memimpin mereka ke jalan yang benar. Tempat tempat yang dia tinggal (ia itu Makkah al Mukkaramah dan Madinatul Munawwarah) memancarkan cahaya kepada seluruh dunia. Dia melatih orang. Pelatih pelatih ini menjadi bintang bergemilang. Dan sesiapa yang tidak di latih akan berhadapan dengan seksaan.

Syukur kepada Allah s w t , kita sudah sampai kepada bulan ini. Moga setiap hari dalam bulan ini di rahmati dengan kegembiraan, InsyaAllah. Moga syafaat Rasulullah (SAW) sampai kepada Islam dalam zaman yang tidak baik ini, moga pertolongan Dia s a w dan rahmat Dia s a w sampai kepada orang orang yang di zalim ini, InsyaAllah.

Moga Muslimin dan Muslimat menang dan berjaya, InsyaAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
12 December 2015, Akbaba Dargah, Sabah Namaz